

**PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT ADAT PERPATIH:
TUMPUAN KEPADA PERUBAHAN DALAM LUAK ULU MUAR, KUALA PILAH**

MOHD KAMAL BIN SALUDIN

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
DENGAN KEPUJIAN**

**JABATAN SEJARAH
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**


2001



PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri
kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 hb. Mac 2001 M
07 Zulhijjah 1420 H



(MOHD KAMAL BIN SALUDIN)
A 60585

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi
Maha Penyayang

Alhamdulillah segala puji hanya bagi Allah Tuhan Semesta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W.), keluarganya serta para sahabat yang dimuliakan baginda. Sepenuh kesyukuran penulis panjatkan kehadiran Allah (S.W.T.) kerana dengan rahmat dan taufik hidayahNya Latihan Ilmiah yang bertajuk, "Perkembangan Sosio-ekonomi Masyarakat Adat Perpatih: Tumpuan Kepada Perubahan Dalam Luak Ulu Muar, Kuala Pilah" telah dapat disiapkan dengan jayanya.

Menerusi ruangan yang terhad ini, pertama sekali penulis dengan rasa sukacitanya ingin melahirkan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu, Puan Zubaidah V.P. Hamzah yang telah banyak membimbing penulis sepanjang usaha ini dijalankan. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada semua pensyarah dan tutor di Fakulti Sains Kemsyarakatan Dan Kemanusiaan terutamanya pensyarah-pensyarah Jabatan Sejarah dan Jabatan Persuratan Melayu.

Penghargaan yang paling istimewa dikalungkan buat ayah dan bonda yang tercinta iaitu Saludin Bin Mohd Amin dan Robiah Binti Othman yang telah banyak berkorban, semoga Allah Taala sentiasa melimpahkan rahmat dan kesejahteraan kepada mereka. Tidak dilupakan ucapan terima kasih buat adik-adik tercinta Mohd Noorizam, Mohd Nasir, Mohd Rosli, Salina, Mohamed dan Norshamsila. Pengorbanan kalian semua akan tetap abadi di sepanjang hayat penulis.

Penghargaan paling istimewa buat Hasni Mohamad dan anak-anak Hazirah, Hanisah, Mohd Hazim dan Mohd Helmi kerana tidak jemu memberi sokongan, dorongan dan sumber inspirasi kepada penulis.

Segala nasihat dan sokongan kalian semua adalah motivasi dan akan tetap abadi di dalam sanubari penulis sepanjang hayat. Wassalam.

Mohd Kamal Bin Saludin
53, Jalan Wira 6,
Taman Wira Jaya,
72000 Kuala Pilah,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

SINOPSIS

Kajian ini bertujuan melihat secara analisis bagaimana suatu masyarakat itu terbentuk, berkembang dan berubah akibat pengalaman sejarah yang mesti dilalui oleh tiap-tiap masyarakat. Dalam proses ini tidak bermakna sesuatu masyarakat akan berubah sepenuhnya, kerana setiap masyarakat ada ciri-ciri unggul yang tersendiri bagi mengidentifikasikan kewujudan sesuatu masyarakat. Dalam hal ini, pemilihan tradisi Masyarakat Adat Perpatih dikatakan satu-satunya masyarakat di Malaysia yang mengamalkan tradisi nasab ibu atau matrilineal sejak berabad-abad lamanya. Dalam evolusi yang memakan masa berabad ini, masyarakat Adat Perpatih sebagai sebuah tradisi sosial, telah mengalami perubahan yang boleh diteliti urutan sejarahnya berdasarkan tiga period iaitu period pemerintahan tradisional, period penjajahan Inggeris dan period selepas kemerdekaan. Masyarakat Adat Perpatih dikatakan mula terpinggir dengan pengenalan undang-undang moden yang nyata lebih dominan daripada undang-undang adat sendiri. Seperti birokrasi legal dan sistem perekonomian moden. Akir sekali kita dapat lihat perubahan isi kandungan amalan masyarakat Adat Perpatih yang disesuaikan dengan kehendak zaman yang serba maju.

KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	i
Penghargaan	iii
Sinopsis	v
Kandungan	vi
Senarai Carta	ix
Senarai Peta	x
Senarai Lampiran	xi
Pendahuluan	xiii
Tujuan Kajian	xiv
Skop Kajian	xiv
Kaedah Kajian	xv
Latar Belakang Kajian	xvi
BAB 1 : LATARBELAKANG SEJARAH PEMBENTUKAN NEGERI SEMBILAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.2 Kedudukan Luak Ulu Muar Dalam Pentadbiran Adat	7
1.3 Kedatangan Adat Perpatih	9
1.4 Struktur Pemerintahan Tradisional Kuala Pilah	13
1.5 Susunan Sosial Masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar	23
1.6 Kesimpulan	25
BAB 2 : MASYARAKAT ADAT PERPATIH LUAK ULU MUAR SEMASA PENJAJAHAN INGGERIS	

2.0	Pendahuluan	27
2.1	Campurtangan British Dalam Pentadbiran Luak Ulu Muar	29
2.2	Perubahan Peraturan Tanah Adat Luak Ulu Muar	34
2.3	Perubahan Sosio-politik	39
2.4	Perubahan Pola Penduduk Luak Ulu Muar	41
2.5	Perubahan Dalam Pendidikan	44
2.6	Penjajahan: dilihat Dari Sudut Kesan Ke Atas Perjalanan Sistem Beradat	47
2.7	Kesimpulan	54
BAB 3 :	PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI AWAL KEMERDEKAAN	
3.0	Pendahuluan	57
3.1	Keadaan Sosial dan Pertelingkahan Adat	58
3.1.1	Krisis Kepimpinan Luak Ulu Muar	60
3.1.2	Faktor Penyebab Berlakunya Konflik Adat	63
3.2	Perubahan Ekonomi	65
3.3	Kesan Pertumbuhan kawasan Perindustrian	69
3.4	Perubahan Dalam Sektor Pertanian dan Penggunaan Tanah	71
3.5	Kesimpulan	75
BAB 4 :	MASYARAKAT ADAT PERPATIH DALAM ERA KEMAJUAN GLOBALISASI	
4.1	Pendahuluan	78
4.2	Ekonomi Adat Perpatih Dalam Era Modenisasi dan Perindustrian	79
4.3	Perubahan Sosial Masyarakat Adat Perpatih 1980-1990	89

Halaman

4.4	Amalan Adat Perpatih Kuala Pilah: Dari Sudut Pandangan Islam	92
4.5	Amalan yang Bertentangan Dengan Fahaman Islam	96
4.6	Kesimpulan	97
BAB 5	PENUTUP	98

Halaman

SENARAI CARTA

Carta 1	Struktur Pentadbiran Luak Ulu Muar	16
Carta 2	Struktur Pentadbiran Masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar	40
Carta 3	Pentadbiran Legal-Birokrasi Inggeris Di Kuala Pilah	41

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual	1	Raja-raja Yang Memerintah Negeri Sembilan Sejak Raja Melewar	3
Jadual	2	Bilangan Empat Lembaga Utama Luak Ulu Muar	22
Jadual	3	Struktur dan Kepimpinan Semasa Penjajahan Inggeris.	56
Jadual	4	Taburan Tanah Adat Mengikut Daerah	73
Jadual	5	Tanah Terbiar di Luak Ulu Muar.	85

SENARAI GAMBAR

- | | | |
|--------|---|--|
| Gambar | 1 | Kawasan Pertanian dan kebun yang terbiar |
| Gambar | 2 | Kawasan Pertanian Yang Terbiar. |
| Gambar | 3 | Kawasan Sawah Padi Yang Dibersihkan Untuk Tanaman Sayuran Dan Jagung |
| Gambar | 4 | Rumah Tradisi Minangkabau Yang Semakin Kurang |

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|------------|--|
| Lampiran 1 | Susunan Pentadbiran Suku Tanah Datar Luak Ulu Muar |
| Lampiran 2 | Cop Mohor Penghulu Luak Ulu Muar |
| Lampiran 3 | Senarai Penghulu dan Lembaga Luak Ulu Muar. |
| Lampiran 4 | Gambar Dato' Bendahara Setia Maharaja Setia Maharaja Lela Pahlawan, Penghulu Luak Ulu Muar |
| Lampiran 5 | Gambar Ketua-ketua Suku Di Luak Ulu Muar. |
| Lampiran 6 | Bibliografi |
| Lampiran 7 | Glosari |

PENDAHULUAN

Luak Ulu Muar adalah kawasan adat yang terdapat di dalam Luak Tanah Mengandung. Luak Tanah Mengandung tersebut adalah sama tarafnya dengan Luak Berundang yang lain seperti Luak Sungai Ujong, Luak Jelebu, Luak Johol dan Rembau. Masyarakat Adat Perpatih di Luak Ulu Muar ini mengamalkan kehidupan yang berteraskan Adat Perpatih. Dalam melalui zaman dan masa masyarakatnya berubah dalam segala aspek kehidupan. Aspek utama yang ketara ialah sosial dan ekonominya.

Perubahan-perubahan yang berlaku itu adalah seiring dengan unsur-unsur modenisasi yang dijalankan oleh pemerintah. Bermula dengan perubahan yang dijalankan di bawah pemerintahan penjajah Inggeris hinggalah pemerintah hari ini, telah banyak amalan dan struktur yang ada dalam adat itu turut berubah. Perubahan yang berlaku menyebabkan hampir keseluruhan aspek sosial-ekonomi tidak diamalkan lagi sepenuhnya.

Dalam perkembangan ini Adat Perpatih tidak dapat di pertahankan dengan kemasukan nilai-nilai Barat melalui struktur pentadbiran dan media massa. Kemudian sikap dan nilai baru telah memberi impak yang banyak kepada amalan dan pegangan kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Terutama sekali berkaitan dengan sistem idea masyarakat yang menitikberatkan konsep kekeluargaan

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan supaya masyarakat yang mengikuti perkembangan adat perpatih dapat meneliti kedudukan Adat Perpatih dalam masyarakat Melayu Luak Ulu Muar, Kuala Pilah. Kita perlu melihat adat ini secara keseluruhannya. Sebelum ini kajian yang dijalankan adalah menjurus kepada isi kandungan adat tersebut dari sudut sastera. Memandangkan itu penulis berminat untuk meneliti tentang Adat Perpatih itu di dalam kehidupan masyarakat lingkungannya.

Melihat pengaplikasian adat perpatih dari sudut sejarah. Jika di dalam kesusasteraan kita hanya menekankan apa yang terkandung di dalam adat tersebut. Di dalam kajian ini kita dapat meneliti amalan-amalan yang masih dijalankan atau adat yang sudah tidak diamalkan oleh masyarakatnya. Dalam keadaan ini penulis meneliti kelompok yang terlibat secara langsung dalam majlis-majlis adat yang diamalkan. Antaranya meneliti perkembangan pemikiran ketua-ketua adat dan anak-anak buahnya yang masih mempertahankan budaya tersebut.

SKOP KAJIAN:

Kajian ini secara umumnya melihat perkembangan sistem adat perpatih daripada tiga tahap period. Pertama zaman sebelum merdeka, iaitu pada zaman pemerintahan raja-raja dan pembesar Melayu. Kajian akan dimulakan dengan memasukan fakta pembentukan masyarakat adat Perpatih Negeri Sembilan dan daerah Kuala Pilah. Kemudian kajian akan melihat pula bagaimana pemerintahan Inggeris menyebabkan banyak perubahan-perubahan ketara dari segi pentadbiran sistem adat di Luak Ulu Muar

Kuala Pilah. Tahap ketiga ialah period merdeka dan selepasnya.

Dalam melihat period-period ini kajian akan mengkhusus kepada bidang politik, ekonomi dan sosial. Dalam mengkaji ketiga-tiga aspek ini kita akan menyusun dan melihat bagaimana masyarakat dan adat perpatih itu mengalami beberapa perubahan yang ketara.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan dengan menemubual beberapa orang ketua-ketua adat yang masih lagi berkhidmat di Luak Tanah Mengandung, iaitu di Kuala Pilah. Antara ketua adat yang telah dikenalpasti ialah Dato' Paduka Besar Abu Hassan Bin Haji Sulaiman, Dato Orang Kaya Kecil Haji Yaakob bin Adil, Dato Maharaja Sulaiman Bin Kasan, Dato' Senara Muda Haji Pilus Maaris, Dato' Seri Maharaja Khalid Bin Bonget Dan Dato Orang Kaya Mansor Bin Shahamen.

Kaedah lain yang bakal diaplikasikan ialah kaedah perpustakaan. Iaitu dengan melihat dan mengambil sumber-sumber sekunder daripada buku, majalah, jurnal dan dokumen-dokumen kerajaan Negeri Sembilan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian ini ialah masyarakat Melayu pengamal Adat Perpatih di Luak Ulu Muar, Daerah Kuala Pilah. Juga disebut sebagai Luak Tanah Mengandung. Di dalam daerah Kuala Pilah ini terdapat lima kawasan yang di namakan luak, iaitu Luak Ulu

Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasir, dan Luak Inas. Kajian akan ditumpukan khusus kepada masyarakat yang berada di dalam lingkungan adat ini.

Luak Ulu Muar mengandungi dua belas suku yang terdiri daripada suku Tanah Datar, Mungkal, Seri Lemak Minangkabau, Seri Melenggang, Tiga Batu, Paya Kumbuh, Batu Belang, Anak Acheh, Batu Hampar, Seri Lemak Pahang, Tiga Nenek, dan Buanda Sungai Ujong.

BAB III

PERKEMBANGAN SOSIO-EKONOMI AWAL KEMERDEKAAN

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini kita akan menelusuri perkembangan masyarakat adat Perpatih Luak Ulu Muar dalam menjalani kehidupan beradat. Daripada pentadbiran tradisional yang berpegang kepada sistem Adat Perpatih kemudian mengalami beberapa perubahan di zaman penjajahan Inggeris, Adat Perpatih sekali lagi berubah dan disesuaikan dengan dasar pemerintah selepas merdeka. Di dalam menjalani perubahan tersebutlah berlakunya beberapa penyelewengan perlantikan jawatan ketua-ketua adat yang membawa kepada beberapa siri konflik yang berterusan.

Sebelum negara kita mencapai kemerdekaan, masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar, Kuala Pilah telah mengalami satu lagi perubahan gaya kepimpinan. Waktu tersebut negara kita sedang hangat dilanda semangat nasionalisme menuntut kemerdekaan. Penubuhan *United Malay National Organization* (UMNO) telah mencorakkan perjalanan sistem beradat di Kuala Pilah¹. Secara tidak langsung penubuhan

¹Masyarakat adat Perpatih tidak sedar perubahan yang berlaku di peringkat pucuk pimpinan. Lihat tulisan Norhalim Ibrahim, "Adat Negeri Sembilan Melalui Masa" dlm *Warisan*, keluaran 17 1993, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, hlm. 34-35.

UMNO telah mewujudkan satu lagi jenis pemimpin di kalangan orang-orang Melayu Kuala Pilah. Sebelum ini sudah ada pemimpin adat yang dominan dalam sebarang aktiviti anjuran kerajaan. Pada peringkat awal penubuhan UMNO ini, ketua UMNO Bahagian Kuala Pilah dianggap setaraf dengan Penghulu Mukim dan Ketua Cawangan sama seperti Ketua Kampung. Setiap cawangan UMNO mempunyai berbagai unit seperti unit kaum wanita dan unit pemuda yang mempunyai ketua masing-masing. Beberapa orang pemimpin UMNO di Kuala Pilah adalah juga pemimpin-pemimpin adat. Golongan inilah yang banyak mempengaruhi organisasi adat kerana pengaruh mereka dalam sebarang perlantikan ketua adat adalah besar pada waktu tersebut.

3.1 Keadaan Sosial dan Pertelingkahan Pentadbiran Adat.

Pada umumnya period selepas kemerdekaan, dasar kerajaan sama seperti apa yang diamalkan oleh penjajah Inggeris. Pegawai yang dahulunya Inggeris telah diganti dengan orang tempatan². Pentadbiran adat, waktu awal kemerdekaan banyak dipengaruhi oleh arus politik. Akibatnya terjadi pelbagai konflik adat. Konflik yang berlaku terbahagi kepada dua iaitu konflik dalaman dan konflik luaran.

Konflik dalaman menurut Norhalim Ibrahim ialah pertelingkahan yang berlaku dalam sistem adat itu sendiri. Isu utama kategori ini adalah mengenai mengisi kekosongan jawatan pusaka adat, dan ia dapat pula dipecahkan kepada dua jenis berdasarkan status

²Dalam era ini perubahan masyarakat adat perpatih ditenggelami dan diwarna oleh beberapa siri konflik yang berpanjangan, hinggalah sukar diselesaikan oleh pihak-pihak yang berkuasa dalam menangani krisis ini. H. M. Dahlan, "Sistem Idea Dalam Masyarakat Adat", *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 1984, hlm. 4.

jawatan pusaka yang diperebutkan iaitu peringkat atasan dan peringkat bawahan. Konflik peringkat bawahan ini berlaku semasa pemilihan datuk-datuk Lembaga dan Buapak. Manakala konflik atasan melibatkan jawatan pusaka adat peringkat tinggi iaitu Penghulu atau Undang yang banyak melibatkan status dalam hirarki kepimpinan adat³.

Konflik luaran pula menurut Norhalim Ibrahim bermaksud perselisihan faham antara penganut adat dengan agensi luar adat⁴, seperti konflik tahun 1960-an antara adat dengan kerajaan negeri. Konflik ini timbul kerana dikaitkan dengan perkembangan ekonomi waktu tersebut. Perkembangan ekonomi Negeri Sembilan selepas sepuluh tahun merdeka adalah terlalu lembab. Dari segi pertanian Negeri Sembilan merupakan salah sebuah negeri mundur. Menteri Besar Negeri Sembilan pada ketika itu, semasa menyentuh soal ekonomi dalam satu ceramah di Seremban telah menyatakan bahawa kerajaan Negeri Sembilan mungkin menimbang semula sikapnya terhadap Adat Perpatih⁵ kerana pada pandangannya, kesinambungan amalan adat tersebut adalah penghalang kepada perkembangan ekonomi negeri. Beliau memberi alasan bahawa kewujudan keadaan ini adalah disebabkan oleh kebanyakan tanah pertanian adalah terdiri daripada tanah pusaka adat yang dipunyai oleh kaum wanita (80%). Kemudiannya berlaku pemecahan milik tanah akibat daripada aturan pewarisan adat. Selanjutnya beliau memberi alasan sistem kekeluargaan Adat Perpatih telah melemahkan semangat ahli lelaki masyarakat adat Negeri Sembilan. Perjalanan dan amalan masyarakat Adat dikatakan banyak menghalang kaum lelaki membangunkan pertanian secara lebih ekonomik.

³Lihat tulisan Norhalim Ibrahim, 'Perkembangan dan Perubahan Adat Negeri Sembilan' dalam Wan Abdul Kadir dan Zainal Abidin Borhan, *Fenomena* 2, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983, hlm. 240.

⁴*Ibid*, hlm 46.

⁵Ekonomi Negeri Sembilan sukar berkembang, terutamanya dalam sektor pertanian adalah disebabkan terlalu banyak masalah birokrasi dan teknikal pemilikan tanah. Akibatnya banyak tanah pertanian terutamanya tanah sawah terbiar. Lihat dalam Norazit Selat, *Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 35.

Akibat daripada ceramah Menteri Besar itu suatu kontroversi telah timbul. Kali ini ia bukannya persoalan adat dan agama atau adat dan politik tetapi adat dengan ekonomi moden atau adat dengan '*Dewan Undangan Negeri*'. Dalam kontroversi ini, walaupun ianya mempersoalkan kewibawaan adat dalam pembangunan, ketua-ketua adat tidak terlibat secara langsung. Ketua-ketua adat tidak mempunyai sebarang saluran untuk menyuarakan pendapat mereka. Ketua-ketua adat hanya dapat menyuarakan pendapat mereka di dalam majlis-majlis tidak rasmi seperti di majlis kenduri di kalangan anak-anak buah mereka sahaja.

Kerajaan Negeri Sembilan sering menuding jari kepada amalan masyarakat Adat Perpatih sebagai punca permasalahan ekonomi yang timbul pada awal tahun 1970-an. Kontroversi ini telah surut di akhir tahun berkenaan (1968) juga tanpa keputusan ataupun kebulatan mengenai pokok persoalan iaitu adat adalah faktor penyebab kepada kemunduran ekonomi Negeri Sembilan. Namun implikasinya terhadap perjalanan sistem beradat sudah mula ketara. Kerajaan negeri sudah mula menjalankan dasar peminggiran sistem beradat secara perlahan-lahan.

3.1.1 Krisis Kepimpinan Luak Ulu Muar.

Seperti yang kita maklum dan dibincangkan dalam bab satu lagi, Luak Ulu Muar adalah salah satu wilayah adat yang terdapat dalam Luak Tanah Mengandung. Luak Tanah Mengandung adalah bermakna luak yang dikuasai oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Seri Menanti. Luak Tanah Mengandung ini adalah rapat pertaliannya dengan istana daripada Luak Berundang. Mengandung memberi maksud 'tanah ibunda' (*mother land*).

Dalam konteks moden ialah tempat Yamtuan bersemayam di bawah lindungan Penghulu yang Empat. Luak Tanah Mengandung terdiri daripada Luak Ulu Muar, Terachi, Jempol dan Gunung Pasir. Tiap-tiap luak diketuai oleh seorang ketua adat yang dinamakan Penghulu Luak⁶.

Krisis kepimpinan yang berlaku sejak tahun 1968 itu terdiri daripada perut-perut Galau, Jumbang, Kampung Umor dan Juasseh. Menurut Dato' Penghulu Ulu Muar⁷, semasa pembahagian semula kawasan antara Luak Gunung Pasir dan Ulu Muar telah berlaku kekeliruan. Pembahagian sempadan Luak yang baru ini meletakkan perut Galau, Jumbang, Kampung Umor dan Ulu Juasseh telah jatuh ke dalam Luak Ulu Muar dan tidak lagi di bawah Luak Gunung Pasir.

Keadaan ini menyebabkan perut yang empat tadi dianggap menumpang sahaja di dalam Luak Ulu Muar dengan bernaung di bawah Lembaga Datuk Senara Muda. Keempat-empat perut tadi telah bersatu dengan perut Mertang yang diketuai oleh Buapak yang bergelar Setia Muda. Perkara tersebut menyebabkan ramai anak-anak buah tidak puas hati. Walaupun tindakan yang dijalankan sudah sampai ke peringkat yang paling tinggi namun tanah pusaka adat bagi perut-perut yang berkenaan masih belum lagi diwartakan sebagai tanah Adat Lingkungan secara rasmi. Selagi tanah adat pusaka belum didaftarkan ke dalam Adat Lingkungan⁸ maka segala perbicaraan tanah pusaka untuk

⁶Penerangan tentang Ketua-ketua Adat di Luak Ulu Muar ada diterangkan dalam J.E. Nathan, R.O. Winstedt, "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi", *Papers on Malay Subjects*, 2nd series, Federated Malay States, Culcutta, 1920 hlm 34-35 dan dlm. J.J. Sheehan, dan Abdul Aziz, "Adat Kuala Pilah", *JMBRAS*, 14(3), 1936, hlm193.

⁷Pertemuan dengan bekas Penghulu Ulu Muar, iaitu Datuk Penghulu Ahmad di rumahnya di Kampung Beting, Kuala Pilah Negeri Sembilan, pada 22 Oktober, 2000.

⁸Adat Lingkungan ialah Perut-perut yang bernaung dan berlindung di bawah lingkungan Istana Seri menanti. Lihat tulisan Abd. Aziz Hitam, "Kepimpinan Di Luak Tanah Mengandung" dlm. *Gemuk dipupuk Segar Bersiram...* hlm 137.

memindahkan hak milik adalah tertangguh. Datuk Maharaja Setia Bakti (iaitu Datuk Lembaga yang baru) telah beberapa kali berurusan mengenai perkara ini dengan Dewan Pengadilan dan Undang-undang, Setiausaha Kerajaan, Pegawai Daerah Kuala Pilah dan juga dengan Yang Dipertuan Besar supaya perkara itu dipercepatkan.

Senarai nama waris dan nombor-nombor tanah pusaka dalam empat perut itu telah diusahakan oleh Datuk Maharaja Setia Bakti dan Buapak-buapaknya. Tengku Laksamana Nasir telah berangkat ke Galau pada 25.4.1971 untuk mengambil tandatangan tuan-tuan tanah yang masuk ke dalam Adat Lingkungan bagi tindakan untuk memasukkan tanah adat mereka ke dalam pangkuan waris suku masing-masing. Namun sehingga 31.7.1972 Datuk Maharaja Setia Bakti masih lagi menulis surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan meminta pihak kerajaanewartakan tanah pusaka adat empat perut itu. Apabila tiada tindakan diambil beliau sekali lagi menulis surat kepada Yang Dipertuan Besar memohon agar dapat dimasukkan tanah pusaka adat ke gezet Adat Lingkungan (Dlm. N.S. XIII No. 20 - 1960) secepat mungkin.

Bagi jawapan pihak Yang Dipertuan Besar telah memanjangkan perkara itu kepada Penyelia Adat Luak Tanah Mengandung dan Pemungut Hasil Tanah Kuala Pilah. Hasilnya tetap tidak mendapat apa-apa reaksi daripada pihak kerajaan. Akibatnya proses pertukaran nama kepada waris yang layak turut tergendala. Proses yang tidak selesai ini telah menjejaskan sebanyak 120 bidang tanah adat yang dimiliki oleh waris-waris yang tinggal di Perut Galau, Jumbang, Kampung Umor dan Ulu Juasseh. Faktor ini juga membawa kepada pengabaian pembangunan tanah adat dan segala usaha projek-projek pembangunan akan tergendala oleh kerana kesukaran menentukan pemilik tanah terutamanya apabila ramai yang sudah meninggal dunia.

Keadaan ini juga menunjukkan kerajaan negeri tidak mengambil berat tentang perjalanan sistem beradat kerana banyak menimbulkan masalah pembangunan tanah di Kuala Pilah. Walaubagaimanapun dalam masa yang sama juga sikap kerajaan Negeri Sembilan itu sebenarnya tidak membawa kepada tindakan penyelesaian. Natiujahnya tanah adat tersebut terus menerus terbiar dan tergendala pembangunannya.⁹ Ekoran itu juga sistem beradat ini sudah mula di lihat banyak membawa kerumitan kepada pengamalnya. Anak-anak buah yang terlibat sudah mula mencari peluang pekerjaan dalam bidang yang berlainan sebagai alternatif menyara keluarga.

3.1.2 Faktor Penyebab Berlakunya Konflik Adat.

Persoalan ini telah berlarutan untuk suatu jangkamasa yang panjang. Subjek ini penting di dalam melihat sejarah perkembangan masyarakat adat Perpatih Negeri Sembilan. Menurut Norhalim Ibrahim ada berbagai faktor yang menyebabkan timbulnya keadaan ini. Antaranya ialah kurang kefahaman mengenai perjalanan tradisi adat itu oleh generasi sekarang, atau generasi baru yang telah memberikan intepretasi baru kepada adat tersebut¹⁰. Keadaan ini wujud kerana kesan sistem pendidikan kolonial¹¹. Inggeris sebelum merdeka yang telah dibincangkan di dalam bab satu. Sistem pendidikan Inggeris menyebabkan ramai anak-anak muda lepasannya memandag sistem Adat Perpatih

⁹Sahak Mamat, Pembangunan Tanah Terbiar, Dlm. *Reformasi Pertanian Malaysia Ke arah Wawasan 2020*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1998, hlm 203.

¹⁰Norhalim Ibrahim, "Adat Negeri Sembilan Melalui Masa" dlm. *Warisan Keluaran 17 1993*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, hlm.39

¹¹Sistem pendidikan yang diadakan memisahkan diri dari kebudayaan sendiri dan menerima kebudayaan Barat lihat dlm. C. Martin, *Education as Cultural Imperialism*, David Mackay Co.Inc, New York, 1974, hlm. 66

mengongkong kebebasan kehidupan mereka.

Pengaruh pemimpin-pemimpin politik juga menyumbang kepada berlakunya pelbagai konflik. Ini disebabkan pemimpin politik yang berpengaruh memerlukan sokongan ketua adat, terutama ketua adat yang juga menjadi Ketua Cawangan UMNO. Faktor ini mempunyai persamaan dengan peristiwa di zaman awal kemasukan penjajah Inggeris iaitu mereka campurtangan dalam proses perantukan ketua-ketua adat.

Punca lain yang ketara ialah kepentingan diri sendiri, terutama sekali yang menganggap diri mereka berhak mewarisi pusaka tersebut. Sebenarnya ada pihak yang bertelagah kurang faham aturan sebenar terhadap hak yang dituntut. Mereka mengakui sebagai seorang pengamal Adat Perpatih tetapi tidak pernah belajar apa yang terkandung di dalam adat tersebut. Menurut Nordin Selat, dalam tulisannya 'Sistem Sosial Adat Perpatih' mengatakan tiap-tiap pemimpin dan ahli masyarakat lingkungan adat perlu mengetahui secara mendalam kandungan amalan adat Perpatih.¹²

Dalam persoalan krisis adat Luak Ulu Muar tadi kita boleh lihat ada pihak yang tidak tahu aturan adat dan pusaka yang mesti dipatuhi. Buapak dan Lembaga yang juga dilihat kurang arif mengenai adat. Mereka mudah tercabar kerana dituduh tidak berlaku adil dalam menjalankan adat. Konflik mungkin tidak berlaku sekiranya masyarakat Adat Perpatih masih kuat memegang dan menghayati kata-kata perbilangan adat yang dianggap sebagai panduan (unwritten/customary law) semasa majlis menentukan penyandang jawatan. Apa yang berlaku waktu tersebut, banyak kata-kata perbilangan adat yang

¹²Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih...* hlm. 56.

boleh dijadikan panduan dalam mencari bakal pengganti ketua adat tidak lagi dipatuhi dan dipakai. Mungkin kata-kata perbilangan adat tersebut telah tercicir dan hilang ditelan zaman tanpa dihayati oleh generasi seterusnya. Jika adapun di kalangan orang-orang tertentu yang berkelayakan, tetapi mereka tidak berminat. Akibatnya pemahaman tentang adat tidak lagi tersebar dan berkembang luas di kalangan masyarakat adat Perpatih Kuala Pilah.

Konflik yang berlaku itu juga banyak mempengaruhi sikap generasi muda waktu tersebut terhadap pengamalan Adat Perpatih. Kebanyakan mereka mulai merasakan ada adat-adat tertentu yang banyak menyusahkan perjalanan majlis yang diadakan. Umpamanya dalam adat perkahwinan yang terlalu banyak urusan yang perlu disempurnakan. Dalam adat perkahwinan ini pihak keluarga yang terlibat bukan sahaja terikat kepada syarat wajib yang ditentukan agama Islam tetapi juga perlu tunduk kepada peraturan-peraturan adat.

Pertentangan dasar adat dan agama ini selalunya menyebabkan ramai ahli masyarakat Adat Perpatih yang melaksanakan segala hukum adat hanya kerana terpaksa. Sama ada takut diboikot oleh masyarakat setempat ataupun menurutkan kehendak ibu bapa yang sudah tua. Ini menunjukkan pada period awal kemerdekaan pengamalan Adat Perpatih sudah mula longgar.

3.2 Perubahan Ekonomi

Sejak mencapai kemerdekaan sehingga sekarang, Malaysia kekal sebagai pengeluar bahan mentah dan hasil utama berasaskan pertanian seperti getah, kelapa sawit dan

balak tropika¹³. Senario ini memberi kesan ke atas Masyarakat Melayu Adat Perpatih di Kuala Pilah. Terutama dalam proses penanaman semula kebun-kebun kecil kepunyaan orang Melayu di kampung-kampung. Kedua-dua komoditi ini menjadi sumber pendapatan utama mereka.

Suatu hal yang perlu diingat ialah asas politik orang Melayu ialah di luar bandar, yang majoriti penduduknya bergantung hidup kepada sektor pertanian sebagai petani sara diri. Kebanyakan petani Melayu adalah miskin. Kempen-kempen memperjuangkan kemerdekaan sudah tentu membangkitkan perkara kemiskinan ini. Para pemimpin politik, terutama UMNO, pastilah menjanjikan untuk membawa kemakmuran kepada pengundi dan penyokong selepas kemerdekaan. Dasar paliatif yang menjanjikan pembangunan ini telah membuka mata masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar tentang keberkesanan pentadbiran kerajaan. Harapan dan kepercayaan mereka terhadap perjuangan pemimpin-pemimpin kerajaan cukup tinggi berbanding ketua-ketua adat yang sudah tidak berkuasa lagi.

Tambahan pula, pada penghujung 1950(bermula dari tahun 1956 lagi) boleh disifatkan sebagai era pembangunan luar bandar untuk membasmi kemiskinan rakyat. Pada tahun 1956, wujudlah sebuah badan berkanun (FLDA, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, kini FELDA) untuk memenuhi janji-janji yang dibuat sebelum merdeka. FELDA membuka tanah baru untuk menempatkan semula penduduk yang tidak bertanah. Di rancangan tanah FELDA, penduduk mengusahakan tanaman saka (mulanya getah

¹³Ooi Jin-Bee, *Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hlm 43.

dan kemudian kelapa sawit) untuk eksport. Kini, subsektor ini dikenali sebagai pekebun kecil “tersusun” untuk membezakan dengan pekebun kecil persendirian yang tidak dapat menyertai rancangan FELDA¹⁴.

Penerokaan tanah untuk penanaman getah dan sawit juga membawa kesan lain ke atas ekonomi tempatan¹⁵. Kesan yang nyata ialah ke atas sawah padi. Penghapusan hutan tempatan dan kawasan tanah tinggi yang menjadi tulang belakang Kuala Pilah secara besar-besaran dan pembalakan yang tidak ekilogikal oleh syarikat-syarikat balak besar telah mewujudkan suatu keadaan yang hampir kekeringan dari aspek paras pemendakan dan penakungan air yang diperlukan untuk pertanian sawah padi. Di samping itu, pembinaan jalan raya dan beberapa jenis binaan lain, dilakukan atas nama pembangunan sering mengganggu sistem tali air untuk keperluan sawah padi sehingga sawah menjadi kering dan tidak boleh diusahakan¹⁶. Jika adapun kawasan yang masih disaliri oleh air, mereka masih tidak dapat meneruskan penanaman padi kerana serangga perosak terlalu banyak bertumpu di kawasan penanaman yang sedikit itu. Ini memaksa masyarakat adat perpatih Luak Ulu Muar terpaksa meninggalkan perusahaan tersebut. Akibat yang lebih besar ialah mereka kebanyakannya telah meninggalkan kampung dan keluar mencari kerjaya lain seperti menjadi kakitangan kerajaan, kilang atau buruh di pekan-pekan besar¹⁷.

¹⁴Dengan wujudnya subsektor FELDA ini, wujudlah pula sistem “tigalisme” dalam sektor pertanian di Malaysia, yang terdiri daripada (a) Ladang swasta (estet). (b) Rancangan tanah tersusun FELDA, (c) Pekebun kecil persendirian. Ketiga-tiga sistem pertanian ini mewakili tiga tahap kemajuan, iaitu tinggi (ladang), sederhana (FELDA) dan rendah (kebun kecil persendirian). Lihat dlm. *Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua* 1973. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Malaysia, hlm. 18.

¹⁵*Ibid*, hlm. 20.

¹⁶Cheng Siok Hwa, “The Rice Industry of Malaya: An Historical Survey”, *JMBRAS*, XLII, 2, 1969, hlm. 130-144..

¹⁷Abdul Samad Hadi, *Population Mobility in Negeri Sembilan Peninsular Malaysia*, *Ph.D Tesis*, Flinder University of South Australian, Dept. of Geography, 1980, hlm. 67.

Sebagaimana yang dibincangkan di atas, asas ekonomi masyarakat adat Perpatih yang paling utama ialah tanah. Daripada konsep asasi milik tanah inilah terbitnya segala nilai, susunan masyarakatnya. Semenjak dahulu lagi terdapat suatu kesedaran untuk mengumpulkan kebendaan yang bertujuan meninggikan martabat dan taraf hidup. Prinsip kebendaan ini ditanamkan dalam susunan masyarakat melalui sistem milik yang sesuai iaitu melalui keturunan nasab ibu. Manakala golongan lelaki pula digalakkan untuk keluar merantau¹⁸ untuk mencari rezeki dan kekayaan.

Sejak pertengahan tahun 1970-an keadaan tersebut berubah bersama peredaran zaman. Walaupun kedudukan tanah pusaka masih tetap begitu dan ia tetap hak milik suku atau perempuan tetapi ia sudah tidak berapa produktif lagi. Tanah-tanah pusaka yang telah dibahagikan bertambah kecil keluasanannya. Manakala sawah padi pula banyak yang sudah terbiar, tidak diusahakan kerana kekurangan tenaga dan kekurangan air. Sungai- sungai pula mula beransur cetek kerana sumber air atau kawasan tadahan hutan sudah banyak yang ditebang. Golongan muda sudah mula mengalih pandangan dengan bekerja sebagai kakitangan kerajaan dan swasta. Keadaan ini meninggalkan golongan tua tinggal di kampung mengerjakan tanah pusaka yang tidak ekonomik¹⁹.

¹⁸Anak lelaki tidak boleh mewarisi harta pusaka peninggalan ibu. Jika dalam adik beradik tiada anak perempuan maka tanah akan diberikan kepada saudara sebelah ibu yang perempuan juga. Lihat dalam Tsuyoshi Kato(terj.), *Nasab Ibu dan Merantau: Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 80.

¹⁹Tanah di Kuala Pilah atas gabungan dua faktor utama iaitu kekurangan buruh dan bekalan air serentak. Perbincangan ini boleh dilihat dalam Jaafar Muhamad dan Abdul Shukor Ariffin, Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera, *Kumpulan Kertas Kerja 3*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1983, hlm. 14.

3.3 Kesan Pertumbuhan kawasan Perindustrian

Perkilangan atau perusahaan telah berkembang pesat di dalam sistem perekonomian Malaysia sejak mencapai kemerdekaan²⁰. Pembangunan industri ini mempunyai sekurang-kurangnya tiga kesan utama ke atas masyarakat Adat Perpatih Kuala Pilah. Antaranya ialah kesan kemudahan hidup, peluang pekerjaan dan wanita sebagai pekerja makan gaji.

Dari segi kemudahan hidup perindustrian telah membantu mewujudkan atau meluaskan infrastruktur fizikal dan sosial yang menghubungkan masyarakat desa dengan pusat-pusat bandar. Ini telah menambah lagi pergantungan mereka ke atas ekonomi wang dan ke atas pusat-pusat kebangsaan untuk pentadbiran²¹. Banyak daripada kemudahan-kemudahan baru ini, seperti jalan raya, paip air, bekalan elektrik, kesihatan dan pendidikan, telah membantu memodenkan corak hidup penduduk Kuala Pilah. Namun dalam masa yang sama juga telah melunturkan pola-pola organisasi sosial dan nilai-nilai budaya tradisional Kuala Pilah.

Satu lagi kesan rempuhan perindustrian ke Negeri Sembilan adalah bilangan kerja bergaji yang semakin banyak terbuka kepada penduduk Kuala Pilah berbanding dengan keadaan ekonomi sebelum dan zaman penjajah. Kebanyakan peluang pekerjaan adalah di kawasan industri di bandar seperti Seremban. Akibat daripada pembangunan ini telah berlaku suatu corak migrasi massa di kalangan orang lelaki masyarakat Adat

²⁰Lim Man Hui, 'Catalism and Industrialization in Malaysia', dalam *Bulletin of Concerned Asian Scholars*, 14(1):32-47, 1982, hlm. 36

²¹Hua wu Yin, *Class and Communalism in Malays*, Zed Book Ltd., London, 1983, hlm. 160.

Perpatih Kuala Pilah. Antara lokasi migrasi mereka ialah ke kawasan bandar dan industri seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Seremban dan Singapura. Keadaan ini lebih ketara menjelang tahun 1970-an

Pembangunan perindustrian telah mengubah corak keseluruhan masyarakat Adat Perpatih Luak Ulu Muar. Kaum wanita Adat perpatih juga terlibat dalam pengeluaran perusahaan yang dijalankan. Perusahaan yang dimaksudkan bukanlah perusahaan yang menghasilkan barangan untuk pasaran tempatan tetapi penghasilan sama ada barang siap atau bahagian-bahagian komponen untuk dieksport kepada industri-industri besar dan pasaran-pasaran Eropah, Amerika Syarikat, Jepun dan Korea²². Perusahaan-perusahaan jenis ini memerlukan ramai pekerja wanita. Justeru itu ramai wanita dari kawasan Luak Ulu Muar, Kuala Pilah telah keluar bekerja dalam sektor ini.

Wanita dari kalangan masyarakat Adat Perpatih Ulu Muar, Kuala Pilah ini sememangnya diakui memainkan peranan penting dalam ekonomi pengeluaran. Mereka untuk pertama kali dalam sejarah, terlibat secara meluas dalam sektor buruh bergaji. Pertambahan penglibatan masyarakat Melayu ini terutama sekali wanita dalam pekerjaan bergaji telah mengakibatkan pengorientasian semula ekonomi tempatan dari pergantungan kepada ekonomi sara hidup dan tanaman kontan (getah) kepada yang lebih bergantung kepada gaji untuk sekurang-kurangnya membantu pendapatan keluarga.

Penghijrahan keluar masyarakat Adat Perpatih Kuala Pilah bukan disebabkan oleh pembangunan industri negara tetapi juga perubahan pola-pola penggunaan. Masyarakat desa Kuala Pilah mendapati diri mereka semakin bergantung ke atas

²²Amarjit Kaur, 1989, *The Malay Peninsula in the Nineteenth Century: An Economic Survey*, *Sarjana*, Jld. 4, Jun.

pendapatan tunai bukan sahaja untuk membeli barang-barang seperti televisyen, radio, malahan kereta. Tambahan pula barang-barang keperluan asas seperti penanaman padi tidak lagi mereka hasilkan sendiri. Di samping itu telah timbul pula keperluan membayar tunai perkhidmatan-perkhidmatan-perkhidmatan tertentu seperti bekalan elektrik, air, kesihatan, membeli buku-buku dan pakaian seragam sekolah anak-anak dan untuk membayar cukai-cukai lain yang dikenakan oleh kerajaan. Keperluan-keperluan tersebut dan pembayaran-pembayaran lain yang berlaku di luar dugaan menolak ramai masyarakat Adat Perpatih Kuala Pilah lelaki dan wanita untuk mencari kerjaya atau bentuk aktiviti ekonomi yang boleh mendatangkan wang, di kawasan luar daerah adat mereka.

Walaupun pada tahap ini bilangan masyarakat Adat Perpatih yang terlibat dalam pekerjaan ‘makan gaji’ ini tidak ramai tetapi tetap memberi kesan kepada pegangan dan pandangan mereka kepada sistem adat itu. Kelonggaran pegangan adat dibuktikan dengan kurangnya keterlibatan mereka di dalam majlis-majlis keramaian yang diadakan di kampung. Tambahan pula kebanyakan mereka ini tinggal di kawasan yang berhampiran dengan tempat kerja, sudah tentu jarang pulang ke kampung. Mereka cuma pulang ke kampung pada hari-hari kebesaran tertentu sahaja seperti hari raya, kenduri kahwin dan kematian. Kawasan industri yang jauh dari kampung itu seperti mengasingkan mereka ini dari kehidupan yang berteraskan Adat Perpatih.

3.4 Perubahan Dalam Sektor Pertanian dan Penggunaan Tanah

Perubahan atau pemodenan pertanian dan tanah di negeri-negeri lain di Malaysia, tidaklah banyak bezanya dengan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Adat Perpatih Kuala

Pilah. Namun di samping faktor-faktor semasa yang merangkumi aspek-aspek seperti teknologi, ekonomi, sosial dan sebagainya, masyarakat adat ini menghadapi masalah tanah adat. Dalam konteks masyarakat Adat di Kuala Pilah aspek perubahan kepada pemodenan pertanian telahpun berlaku. Dari segi perubahan teknologi, unsur-unsur pemodenan dapat diidentifikasi dari beberapa segi penggunaan sistem taliair yang teratur, tanaman padi dua musim, penggunaan jentera secara meluas, kilang-kilang padi, benih-benih baru dan pelbagai lagi namun kehidupan golongan yang menjalankan pertanian masih lagi miskin.

Pada period awal kemerdekaan hinggalah ke tahun 1970-an, tanah adat masih lagi menjadi asas pertanian dan menjadi faktor pengeluaran terpenting di Negeri Sembilan²³. Di dalam masyarakat adat Perpatih Kuala Pilah waktu itu, masih tebal anggapan mengatakan tanah bukan sahaja satu punca bagi mengeluarkan hasil pertanian, tetapi juga dianggap sebagai simbol status dan jaminan kehidupan²⁴.

Masalah pertanian telah bertambah rumit apabila terdapatnya tanah-tanah adat di beberapa kawasan di Kuala Pilah ini masih terikat dengan lunas-lunas pemakaian adat yang ketat. Namun dalam situasi hari ini banyak peruntukan yang disediakan oleh adat perpatih untuk menjamin kedudukan ekonomi masyarakat pengamalinya sudah tidak

²³Tanah pusaka adat dipulangkan kepada waris perempuan di dalam suku itu sahaja dan sehinggakan ke hari ini pewarisan harta pusaka di Negeri Sembilan masih lagi mengikut sistem adat yang tradisi. Lihat dalam Norhalim Ibrahim, *Adat Perpatih: Perbezaannya dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 34.

²⁴Disebabkan sistem Adat Perpatih, cara milik dan kuasa usaha, tanah-tanah pertanian di Kuala Pilah khususnya tanah pusaka adat, berbeza daripada negeri lain di Malaysia. Tanah pusaka adat tidak mengikut sistem faraid di mana anak perempuan dan lelaki mempunyai hak yang sama, lihat Ibid hlm 46.

relevan lagi. Bilangan ahli-ahli masyarakat adat telah bertambah berganda-ganda tetapi jumlah tanah adat adalah sentiasa tetap. Ini menunjukkan melalui proses pewarisan yang berlaku berulang kali, berlaku pemecahan tanah adat sehingga jumlah tanah pusaka yang dimiliki oleh seorang wanita dalam masyarakat ini amat kecil dan bilangan yang tidak bertanah juga mulai bertambah. Adakalanya tuan punya tanah adalah terlalu ramai dan kebanyakan keluasan tanah adalah terlalu kecil. (jadual 1)

Daerah	Keluasan	Bilangan Lot	Bilangan Grant
Kuala Pilah	17,448	9,950	9,973
Rembau	13,272	8,622	8,587
Tampin	2,072	1,013	992

Jadual 4: Taburan Tanah Adat Mengikut Daerah (1991)

Kebanyakan tanah pusaka pertanian di Kuala Pilah merupakan tanah-tanah pusaka yang dimiliki oleh beberapa orang. Umpamanya satu tanah di luak Ulu Muar purata satu-satu lot tanah itu kurang dari dua ekar(jadual 1) Ini akan menimbulkan masalah untuk membuat ketetapan dalam soal membahagikan bidang tanah itu kepada waris-waris tertentu. Ini mengakibatkan tidak terdapat kata sepakat untuk mengerjakan tanah supaya dapat mendatangkan hasil lebih ekonomik²⁵.

²⁵Nadzan Haron, "Sistem Perwarisan Tanah Dalam Adat Perpatih", *Kertas kerja Warisan Adat Perpatih*, Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, September 11-12, 1992, hlm. 17-17.

Dalam masyarakat adat Perpatih juga suami adalah orang mendatang dan turut mengerjakan kebun-kebun dan tanah-tanah pertanian mereka. Corak tempat ini menimbulkan kesan-kesan yang negatif terhadap sikap suami dalam bidang ekonomi. Suami kurang bersungguh-sungguh dalam usaha-usaha ekonomi yang mereka jalankan. Sikap mereka ini berpunca daripada corak pemilikan tanah-tanah pusaka, adat perpatih dan dari kedudukan suami itu sendiri. Tanah pertanian yang dikerjakan oleh satu-satu keluarga itu adalah kepunyaan isteri-isteri dan oleh yang demikian keinginan suami untuk betul-betul berusaha mengerjakannya tidak ada kerana tanah ini bukannya haknya. Perkara seperti tanah dan soal pemilikan adalah penting kerana dengan memilikinya sipemilik akan merasa bertanggungjawab terhadapnya.

Secara umumnya, memanglah sistem cara pemilikan dan penggunaan tanah dalam masyarakat adat perpatih Kuala Pilah merupakan faktor tambahan dalam masalah pemodenan pertanian di Negeri Sembilan. Disebaliknya pula, sistem kekeluargaan bercorak matrilineal dalam adat perpatih jika diteliti adalah dinamis. Oleh itu sepatutnya cara memproses harta-harta mereka, tanah-tanah adat khasnya di kampung-kampung boleh diubah²⁶. Iaitu daripada corak individu kepada corak kerjasama(syarikat). Anak-anak yang bakal mewarisi jika tidak tinggal di kampung harus bersedia menyerahkan bahagian tanah tersebut untuk dikerjakan oleh individu yang ingin mengerjakannya.

Pertanian moden merupakan satu usaha yang memerlukan penumpuan sepenuhnya. Namun petani yang memiliki tanah adat tidak memahami proses ini. Mereka tidak mengubah sikap yang lebih positif dan dinamik. Apa yang diamalkan oleh mereka

²⁶Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 155-156.

ialah mengusahakan pertanian sebagai kerja sampingan tetapi pada masa yang sama menganggapnya sebagai mata pencarian. Misalnya seorang petani itu adalah seorang penoreh getah, pesawah padi dan juga penternak pada masa yang sama. Semua usaha-usaha dalam tiga pengusahaan ini adalah secara sambil lewa. Kawasan yang ditoreh cuma seluas dua ekar dan pokoknya sudah tua. Sawah yang diusahakan selalunya tidak lebih dua ekar dan ternakan yang dipelihara cuma dua atau tiga ekor lembu dan beberapa ekor kambing. Ternakan ini dilepaskan untuk mencari makanan sendiri. Tiap-tiap perusahaan yang dijalankan tidak mencukupi untuk mendatangkan pendapatan yang lumayan, hanya setakat cukup makan sahaja.

Era awal merdeka ini, keluasan tanah menjadi masalah untuk memajukan pertanian di tanah adat. Tuan punya tanah adat atau penama masih tidak bersedia menukar sikap dan pandangan untuk membenarkan tanah-tanah disepadukan menjadi satu kawasan yang luas dan dapat diusahakan dengan cara moden dan komersial.

3.5 Kesimpulan

Period awal kemerdekaan ini menggambarkan kepada kita betapa masyarakat Adat Perpatih Kuala Pilah ini terus berubah dalam pelbagai segi. Paling nyata ialah dalam sosial dan ekonominya yang jauh berbeza dengan zaman sebelum penjajahan dahulu. Keadaan ini berlaku kerana dipengaruhi oleh kesan struktur pemerintahan yang ditinggalkan oleh penjajah²⁷. Masyarakat Adat Perpatih seperti dibiarkan berurusan

²⁷Bila barat meninggalkan tanah jajahan, mereka hanya berangkat secara fizik. Kesan baik dan buruk pasti menjelma... Dlm. S. Roberta, *Learning About Politic*, Random Hause, New York, 1970, hlm 1.

sendiri dalam kehidupan beradatnya hinggalah timbul berbagai konflik. Konflik tersebut tidak diselesaikan oleh kerajaan negeri kerana tidak membawa sebarang kesan negatif terhadap perjalanan politik semasa.

Namun konflik yang timbul telah memberikan beberapa implikasi yang mendalam terhadap keseluruhan corak adat masyarakat Adat Perpatih Kuala Pilah. Umpamanya perjalanan mengenai aturan adat dan pusaka yang sebenarnya telah tidak dipatuhi. Ini membawa kepada amalan mencari pemimpin berasaskan kepada demokrasi yang selama ini menjadi sanjungan masyarakat adat Perpatih tidak diamalkan lagi. Seterusnya membawa kepada perpecahan perpaduan dan semangat kerjasama kekeluargaan di kalangan anak buah. Anak-anak buah seolah-olah terbiar kerana mereka terjerumus dalam kancuh membela ketua yang dikatakan layak. Kemelut jawatan ini terus berlarutan, manakala masyarakat bawahan dalam Adat Perpatih mula terasa betapa mereka tidak lagi perlu bernaung di bawah institusi yang tidak mempunyai kuasa yang boleh memaksa mereka mematuhi.

Dalam keadaan ini juga ketua-ketua adat mudah tercabar, tergugat dan boleh dijatuhkan dengan niat jahat. Bila ini berlaku boleh mencetus dan mewujudkan dua golongan ketua adat. Pertama ketua adat beserta Datuk Lembaga dan Buapak yang direstui oleh Dewan Keadilan dan Undang tetapi perlantikannya adalah tidak selaras mengikut aturan adat pusaka sebenarnya. Kedua, ketua adat yang tidak direstui oleh Dewan Keadilan dan Undang tetapi perlantikannya dianggap sah dari segi aturan adat.

Konflik dan pergeseran yang berlaku di kalangan anak buah dengan ketua adat menyebabkan institusi adat ini semakin dijauhi oleh masyarakat Adat Perpatih Kuala

Pilah. Konflik yang berlaku juga menyerlahkan betapa terdapat individu-individu tertentu menjadikan Adat Perpatih sebagai wadah dalam mencapai cita-cita peribadi. Walhal dalam masa yang sama masyarakat adat dilihat semakin jauh dengan amalan yang lebih relevan dengan peredaran masa. Zaman awal kemerdekaan ini menjadikan ramai individu dalam masyarakat Adat Perpatih cuba mengelakkan daripada menjalankan upacara remeh Adat Perpatih.

BIBLIOGRAFI

Buku Rujukan

- Abdul Samad Idris. 1968. *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Abdul Rahman Mohamad. 1964. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abdullah Siddik. 1975. *Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Dalam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: PT Gunung Agung.
- Anwar Ibrahim. 1997. *Gelombang Kebangkitan Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azam dan Mohd Akhir Yaacob. 1975. *Prinsip Prinsip Perundangan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Bauer. 1948. *The Rubber Industry*. Harvard: Cambridge Harvard University Press.
- Ding Eing Tan Soo Hai. 1964. *The Rice Industry in Malaysia, Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hasbi Ash Shiddieqy. 1973. *Fiqhul Mawaris, Hukum-hukum Warisan dalam Syariat Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Hooker. M.B. 1970. *Adat Law in Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hua Wu Yin. 1983. *Class and Communalism in Malays*. London: Zed Book Ltd.
- Ibrahim Saad. 1968. *Pendidikan Dan Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Ambia. 1959. *Pentadbiran Adat Perpatih Negeri Sembilan*. Singapore: Universiti Malaya.

- Josselin de Jong P.E. 1952. *Minangkabau and Negeri Sembilan, Sosio-Political Structure In Indonesia*. Leiden:Eduard Ijdo N.V.
- Khasnor Johan. 1979. "Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Perubahan Dalam Konteks Kajian Penjajah" *Dalam Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 1972. *The Western States 1850-1873*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Martin. 1974. *Education as Cultural Imperialism*. New York: David Mackay Co.Inc.
- M. Ali Hasan. 1973. *Hukum Warisan dalam Islam dengan Undang-undang Adat*. Jakarta:Bulan Bintang.
- Maxwell . W.G. dan Gibson. 1924 . *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, ., London:Fruscott and Son Ltd.
- Nash. J dan Fernandez-Kelly. M.P. 1983. *Women, Men and International Division of Labour*.Albany: Suny Press.
- Norhalim Haji Ibrahim. 1976. *Social Change and Continuty in the Matrilineal Society of Negeri Sembilan*. Hull: University of Hull.
- Norhalim Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaannya dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur:Penerbit Fajar Bakti.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1995. *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kecil Pusaka Adat, Warisan Kerajaan Berdaulat*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Nordin Selat. 1978. *Renungan*. Kuala Lumpur:Utusan Publications and Distributions.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Norazit Selat. 1990. Tanah Terbiar Di Zaman Pembangunan, *Negeri Sembilan Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur :Muzium Negara.
- Ooi Jin-Bee. 1968. *Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Ishak. 1982. *Hubungan Antara Undang-Undang Islam dengan Undang-Undang Adat*. , Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Peletz. M.1983. *A Share of the Harvest: Kinship, Property and Social History Among the Malays of Negeri Sembilan*. Machigan: The University of Machigan.

- Peletz. M.G. 1988. *A Share of The Harvers: Kinship, Property and Social History Among The Malays of Rembau*. London: University of California.
- Roberta. S. 1970. *Learning About Politic*. New York: Random Hause.
- Sadka. E. 1968. *The Protected Malay States 1874-1896*. Kuala Lumpur: University of Malays Press.
- Sutcliffe. G. 1968. *A Short History of Education In Negeri Sembilan*. London: University of London.
- Sheppard. M. 1965. *A Short History of Negeri Sembilan*. Singapore: Eastern Universities.
- Toffler. A. 1978. *The Third Wave*. New York: Lomngman Inc.
- Tsuyoshi Kato(terj.). 1989. *Nasab Ibu dan Merantau: Tradisi Minangkabau Yang Berterusan Di Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vip Vat Hoong. 1969. *The Development of the Tin Mining In Malaya*. Kuala Lumpur :University Malaya Press.
- William.R. 1967. *Origin of Malay Nationalism*. New Neven:Yale University Press.
- Wong Lin Ken. 1965. *The Malay Tin Industry to 1914*. Arizona: University of Arizona Press.

Jurnal

- Amarjit Kaur. 1989. The Malay Peninsula in the Nineteenth Century: An Economic Survey. *Sarjana*,.
- Cheng Siok Hwa. 1969. "The Rice Industry of Malaya: An Historical Survey". *JMBRAS*. XLII. 2.
- Nathan. J.E. Winstedt. R.O. 1920. "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi". *Papers on Malay Subjects*. 2nd series. Federated Malay States. Culcutta.
- Norhalim Haji Ibrahim. Adat Negeri Sembilan Melalui Masa. Dalam *Warisan*. Keluaran 17. 1983. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia. Cawangan Negeri Sembilan

- Norhalim Ibrahim. 'Adat Perpatih: Sejarah dan Sistem Sosial'. dalam *Budaya Negeri* 11/12 1993.
- Taylor. E.N. 1948. "Aspects of Customary Inheritance in Negeri Sembilan". *JMBRAS* 21 (1948). pt. 2
- Thio. E. 1962. "The British Forward Movement In The Malay Peninsular 1880-1889". *Papers on Malayan History*. Singapore: Tregonings.
- Resident General Circular No. 5 of 1897, Negeri Sembilan, *Government Gazette*,
- Sheehan. J.J. dan Abdul Aziz. "Adat Kuala Pilah". *JMBRAS*. 14(3). 1936.
- Zainal Abidin Borhan. 1989. *Fenomena 2*. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Kertas Seminar

- Abbas Ali. 1974. "Sebahagian Dari Dasar Adat Perpatih. Dalam *Kertas Kerja Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih*. Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan. April 10-12 .
- Abdullah Siddik. 1974. "Adat dan Modenisasi". *Seminar Pensejaraan Adat Perpatih*. Anjuran MBNS.
- Abdul Samad Idris. 1974. 'Kemurnian Dalam Adat Perpatih'. Dalam *Seminar Pensejaraan dan Adat Perpatih*. Seremban.
- Jaafar Muhamad dan Abdul Shukor Ariffin. Masalah dan Prospek Ekonomi Bumiputera. Kumpulan *Kertas Kerja* 3. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Lim Man Hui. 1982. 'Catalism and Industrialization in Malaysia'. dalam *Bulletin of Concerned Asian Scholars*. 14(1) :32-47.
- Mohd .Dahlan. 1984. "Sistem Idea Dalam Masyarakat Adat". *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*. Universiti Pertanian Malaysia. Serdang.
- Nadzan Haron. 1992. 'Sistem Pewarisan Dalam Adat Perpatih. *Kertas Kerja Warisan Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi September.

Nathan. J.E. Winstedt. R.O. 1920. "Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi". *Papers on Malay Subjects*. 2nd series. Federated Malay States. Culcutta.

Shamsul Amri. 1992. "Sistem Politik dan Ekonomi Adat Perpatih". *Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Sheehan. J.J. dan Abdul Aziz. 1936. "Adat Kuala Pilah". *JMBRAS*. 14(3).

Taha Abdul Kadir. 1988. "Dilema Yang Wujud Dalam Masyarakat Adat Perpatih Masa Kini". *Kertas Kerja Seminar Adat Perpatih*. Anjuran Persatuan Mahasiswa Anak Negeri Sembilan. September 17-18.

Taha Abd. Kadir. 1980. "Masyarakat Adat Perpatih Kontemporari di Negeri Sembilan Dalam Menghadapi Perubahan Sosio Ekonomi. Dalam *Seminar International mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau*.

DOKUMEN

Collector and Magistrate of Sri Menanti, Malay Grants Book. No. 1, 1887, hal 87. (Simpanan Pejabat Tanah Kuala Pilah)

Enakmen Pemegangan Adat, Bab 215. Customary Tenure Enactment.

Resident General Circular No. 5 of 1897. Negeri Sembilan. *Government Gazette*. 1897

Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua 1973. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Malaysia.

LATIHAN ILMIAH

Norhalim Ibrahim. 1971. 'Kekeluargaan dan Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa di Rembau. Negeri Sembilan. *Latihan Ilmiah*. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya.

SENARAI INFORMAN

Dato' Bentara Setia Maharaja Abu Zarin Bin Sulaiman,
Penghulu Luak Ulu Muar

Dato' Orang Kaya Mempasir Setiawan Mansor Bin Gempam
Penghulu Luak Gunung Pasir,
Seri Menanti.

Dato' Orang Kaya Kechil Haji Yaacob Bin Adi,
Lembaga Suku Anak Acheh,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.

Dato' Orang Kaya Bongsu Mansor Bin Shahman,
Lembaga Suku Seri Semelenggang,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.

Dato' Seri Maharaja Khalid Bin Bonget,
Lembaga Suku Mungkal,
Luak Ulu Muar,
Kuala Pilah.


Ustaz Ahmad Siffian,
Pegawai Penyelidikan,
Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam,
Negeri Sembilan.

Ustaz Hasyim Bin Abdul Ghani,
Pengetua Ma'ahad Ittiba'a Al-Sunnah,
Kuala Pilah.

Haji Mohd Murtadza Bin Haji Ahmad,
Mufti Kerajaan Negeri,
Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam,
Negeri Sembilan.

GLOSARI

1. Orang semenda : Orang mendatang
2. Tempat menda : Penduduk asal
3. Waris pesaka : Perempuan
4. Sekedim : Saudara
5. Kebulatan : Sebulat suara setuju
6. Seadat : Apabila tempat menda berkumpul
7. Dikampungkan : Dikumpulkan
8. Mamak : Bapa saudara
9. Saka : Sudah terlalu lama
10. Buapak : Ketua perut
11. Sandar menyandar : Saling memerlukan
12. Waris : Saudara
13. Menyeraya : Minta tolong
14. Suku : Kaum keluarga seketerunan daripada sebelah ibu
15. Adat semenda menyemenda tak hujan dek panas : Aturan hidup berkeluarga
16. Kadim : Saudara baru yang diterima sebagai anggota suku melalui proses adat
17. Lembaga : Seorang yang dilantik ketua suku bagi mengepalai penyelesaian dalam kes tanah pusaka sekiranya terjadi kekusutan dan untuk menjaga ketenteraman anak buah dalam masalah adat, perkahwinan dan pergaduhan yang berpunca



Dato' Abu Zarin bin Sulaiman, PPS (Sel)

*Dato' Bendahara Setia Maharaja
Setia Maharaja Lela Pahlawan
Penghulu Luak Ulu Muar*



Dato' Hj. Yaakob Ali
(Dato' Orang Kaya Kecil)



Dato' Sulaiman bin Mat Kasan
(Dato' Maharaja)



Dato' Hj Adnan bin Hj Mohd Sharif
(Dato' Maharaja Lela)



Dato' Ujang bin Idam
(Dato' Penghulu Dagang)



Dato' Ibrahim bin Hj Salleh
(Dato' Semaharnia)



Dato' Abu Hassan Sulaiman
(Dato' Paduka Besar)



Dato' Khalid Bonget
PJK, PK
(Dato' Seri Maharaja)



Dato' Hj. Pilus Maaris
(Dato' Senara Muda)



Dato' Md. Shah Idris
(Dato' Syahbandar)



Dato' Yaakob Sudin PJK
(Dato' Peda Maharaja)

PENGHULU DAN LEMBAGA LUAK ULU MUAR

- | | |
|--|--|
| 1. Dato' Bendahara Setia Maharaja.
Setia Maharaja Lela Pahlawan
(Dato' Abu Zarin bin Sulaiman) | - Penghulu Luak Ulu Muar
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 2. Dato' Perdana
(Dato' Sulaiman b. Sutan) | - Bakal Penghulu Luak
Suku Biduanda Waris.
Lantai Kulit. |
| 3. Dato' Perba
(Dato' Nor Azin Al-Ain) | - Bakal Dato' Perdana
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 4. Dato' Baginda Maharaja
(Dt. Abdullah bin Hussin) | - Haluan Sembah dan Serempu
Suku Biduanda Waris,
Lantai Kulit. |
| 5. Dato' Shahbandar
(Dt. Md. Shah b. Idris) | - Suku Biduanda Waris
Lantai Kulit. |

Haluan Sembah


- | | |
|--|--------------------------|
| Dato' Baginda Maharaja
(Dt. Mohd Zain bin Ujud) | - Suku Seri Lemak Pahang |
|--|--------------------------|

Lembaga Yang Empat.

- | | |
|--|------------------------------|
| 1. Dato' Paduka Besar
(Dt. Abu Hassan b. Sulaiman) | - Suku Tanah Datar |
| 2. Dato' Seri Maharaja
(Dt. Khalid Bonget PJK., PK) | - Suku Mungkal |
| 3. Dato' Senara Muda
(Dt. Hj. Pilus Maaris) | - Suku Serilemak Minangkabau |
| 4. Dato' Orang Kaya Bongsu
(Dt. Hj. A. Aziz Mohd Nor) | - Suku Seri Melenggang |

SUSUNAN PENTADBIRAN SUKU TANAH DATAR LUAK ULU MUAR

(STRUKTUR PENTADBIRAN ADAT)



Nota : i) BESAR WARIS pada setiap satu perut/carak adalah walid buapak/penolong buapak/ timbalan buapak bertugas menjalankan tugas-tugas buapak di dalam perut carak yang ditetapkan itu saja.

ii) BESAR WARIS bukan di pilih tetapi dilantik oleh lembaga bila mana berlaku kekosongan.



COP MOHOR
PENGHULU LUAK ULU MUAR

Lembaga Yang Delapan.

- | | |
|--|------------------------------|
| 1. Dato' Peda Maharaja
(Dt. Hj. Yaakob b. Sudin) | - Suku Tiga Batu |
| 2. Dato' Senara Kaya
(Dt. Hj. Idris Tain) | - Suku Paya Kumbuh |
| 3. Dato' Senara Angsa
(Dt. Hj. Nordin A. Hamid) | - Suku Batu Belang |
| 4. Dato' Orang Kaya Kecil
(Dt. Hj. Yaacob b. Adi) | - Suku Anak Acheh |
| 5. Dato' Maharaja
(Dt. Sulaiman b. Kasan) | - Suku Batu Hampar |
| 6. Dato' Bangsa Balang
(Dt. Hj. Abu Hassan b. Ali) | - Suku Seri Lemak Pahang |
| 7. Dato' Maharaja Leia
(Dt. Hj. Adnan b. Hj. Mohd Sharif) | - Suku Tiga Nenek |
| 8. Dato' Baginda Raja
(Dt. Yazid b. Mohd Nor). | - Suku Biduanda Sungai Ujong |

Lembaga Tambahan

- | | |
|--|-------------------------------|
| 1. Dato' Penghulu Dagang
(Dt. Ujang b. Idam) | - Suku Binduanda Jawa |
| 2. Dato' Orang Kaya Muda | - Suku Seri Lemak Minangkabau |
| 3. Dato' Perdana
(Dt. Ali b. Ismail) | - Suku Tanah Datar |
| 4. Dato' Seri Maharaja
(Dt. Hj. Ibrahim b. Hj Salleh) | - Suku Mungkal |

